

AJARAN ABU BAKAR BAPPU

oleh
Ab. Aziz Bin Awang Kechik

Abstract

Abu Bakar Bappu according to Islamic Jurisprudence is one of the misleading teacher in Kluang, Johor. This article tries to elaborate comprehensively this topic according to his beliefs.

Pendahuluan

Di negara kita ini terdapat banyak ajaran menyeleweng yang disebar secara tersembunyi di segenap pelusuk negeri. Penyebar-penyebar ajaran tersebut pada umumnya menggunakan cara dan taktik yang hampir sama untuk menarik perhatian dan mempengaruhi pengikut-pengikutnya, iaitu dengan membuat pengakuan tentang kelebihan dan keistimewaan diri mereka, memberi janji manis kepada pengikut-pengikut mereka dan membuka laluan mudah untuk memenuhi kehendak nafsu mereka.

Dalam tulisan ini saya cuba mendedah satu contoh ajaran yang boleh dianggap menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Iaitu ajaran yang dikenali dengan nama "Ajaran Abu Bakar Bappu" yang disebar di sekitar Kampung Melayu Layang-Layang Kluang Johor pada akhir tahun tujuh puluhan. Tujuan penulis memilih tajuk ini kerana terdapat dalamnya beberapa konsep dan ajaran yang didapati dalam kebanyakan ajaran-ajaran menyeleweng yang lain. Dengan pendedahan ajaran ini di samping alasan dan hujjah yang digunakan untuk menolaknya dapatlah dijadikan sebagai neraca untuk menilai ajaran-ajaran lain.

Siapakah Abu Bakar Bappu?

Abu Bakar Bappu berasal dari keturunan Malbari. Beliau dilahirkan pada tahun 1946 di Kampung Mengibul Kluang Johor. Kemudian berpindah ke Kampung Melayu Layang-Layang. Mendapat pendidikan akademik hanya setakat sekolah rendah sahaja. Kerana keluarganya miskin tidak mampu membiayainya ke peringkat yang lebih tinggi dari itu. Mempelajari al-Quran dengan Ustaz Jantan seorang yang berketurunan Banjar, Indonesia. Manakala guru agamanya bernama Hamzah berasal dari India, tetapi telah menjadi warganegara Malaysia.¹ Semasa

¹Temuramah dengan Abu Bakar Bappu di rumahnya di Kampung Melayu Layang-Layang Kluang pada 16.12.85.

berada di Kampung Melayu Layang-Layang Abu Bakar berniaga secara kecil-kecilan, iaitu membuka kedai makan di pekan Layang-Layang. Pada tahun 1977 Abu Bakar Bappu mulai bergiat dalam bidang keagamaan. Pada suatu hari beliau pergi bertapa di Pulau Besar Melaka dan apabila pulang dari pertapaan itu beliau menunjukkan keadaan yang luar biasa dengan pakaian serba putih dan berlagak sebagai seorang 'Abid', (yang sentiasa beribadat).²

Mengikut Ketua Kampung Layang-Layang bahawa kedai makan Abu Bakar Bappu semasa itu kadang-kadang di buka dan kadang-kadang tidak. Akhirnya beliau menutup langsung kedai makannya setelah ramai orang yang mengunjunginya untuk meminta air tawar berubat dan sebagainya. Di waktu malam pula beliau berzikir dengan sekuat-kuatnya mengganggu jiran-jirannya.

Pada pertengahan bulan Oktober 1978 beliau mengaku bermimpi berjumpa Kubur Sultan 'Alauddin Shah (Sultan Melaka yang silam) dan Sultanah Sharifah Sa'diah di sebuah ladang kelapa sawit Ulu Remis, kira-kira 1 1/2 batu dari Kampung Melayu. Lalu beliau dan pengikut-pengikutnya membina satu makam di atas kubur yang dianggap keramat itu.

Beliau sentiasa berulang alik ke makam itu untuk berjumpa pengunjung-pengunjungnya yang datang untuk berubat, mengambil air tawar dan mendapat pertolongan-pertolongan lain. Dan pada masa itu juga Abu Bakar mengaku bahawa roh Abu Bakar Assiddiq (Sahabat Nabi Muhammad s.a.w.) menjelma dalam dirinya. Oleh itu beliau mengaku dirinya Abu Bakar Assiddiq. Dengan pengakuan itu bertambah ramai lagi orang mengunjunginya khususnya orang India Malbari dan orang Cina untuk meminta hajat mereka.

Pengakuan sebagai Abu Bakar As-Siddiq dan membina makam di atas kubur adalah salah dari segi Agama Islam. Oleh itu pada 4hb. November 1978 sekumpulan pegawai dari Jabatan Agama, Pegawai Polis dan pekerja-pekerja Jabatan Kerja Raya Kluang telah menyerbu dan meroboh makam yang didirikan itu.³

Abu Bakar Bappu pernah melakukan beberapa kesalahan yang melibatkan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Syariah. Pada 3.12.78 beliau dihadapkan di

²*Temuramah* dengan Abdullah Fahim, Ketua Penolong Pengarah Penyelidik Pusat Islam Kuala Lumpur pada 31.12.85.

³*Temuramah* dengan Abu Bakar bin Fei Ketua Kampung Layang-Layang di Masjid Kampung itu pada 17.12.85 dan Encik Aman bin Affan Pegawai Pemeriksa Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru pada 24.12.85. Beliau yang menjalankan dakwaan ke atas Abu Bakar Bappu kerana melakukan 3 kesalahan di bawah undang-undang Syariah yang akan diterangkan nanti.

hadapan Majistret Encik Muhamad Idris Rafie di Mahkamah Kluang Johor atas 4 tuduhan dan dia mengaku salah di atas semua tuduhan itu iaitu:

1. Tidak membawa kad pengenalan didenda RM50.00 atau 15 hari penjara.
2. Menunggang motosikal tanpa cukai jalan didenda RM100.00 atau 1 bulan penjara.
3. Motosikal tanpa insurans didenda RM100.00 atau 1 bulan penjara dan
4. Tidak mempunyai lesen memandu didenda RM300.00 atau tiga bulan penjara. Hukuman ini berjalan berasingan. Jadi jumlah hukuman bagi semua kesalahan ialah RM550.00 atau 5 1/2 bulan penjara.⁴

Pada 15hb. November 1978 beliau dihadapkan pula ke Mahkamah Syariah Daerah Kluang atas 3 tuduhan iaitu: Mengajar ilmu salah, tidak sembahyang Jumaat dan nikah fasik. (Iaitu berkahwin dengan dua perempuan adik beradik).⁵

Abu Bakar Bappu mengaku salah di atas semua tuduhan itu dan Hakim Mahkamah Syariah Haji Suki bin Katimun menjatuh hukuman denda sebanyak seribu (1,000) sen tiap-tiap satu kesalahan, jadi jumlah denda semua sebanyak (3,000) sen. Denda ini dan denda sebanyak RM550.00 bagi segala kesalahan yang disebut tadi dibayar oleh seorang muridnya bernama Hamid bin Ahmad seorang pelayan pejabat Sekolah Layang-Layang.⁶

Ajaran-Ajaran dan Pengakuan Abu Bakar Bappu

Tidak banyak ajaran yang diajar oleh Abu Bakar Bappu kecuali beberapa pengakuan tentang keistimewaan dirinya dan fatwa-fatwa yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar, di antaranya:

1. Mengaku bahawa beliau adalah penjelmaan dari roh Saidina Abu Bakar Assiddiq. (Sahabat Nabi Muhammad s.a.w.) Mengikutnya pengakuan itu dibuat kerana dipaksa oleh kuasa ghaib yang sentiasa menyerunya supaya membuat pengakuan demikian.
2. Mengakui mengetahui perkara ghaib, khususnya apa-apa yang akan berlaku di atas dirinya sehingga tanah kuburnya pun sudah diketahui kerana beliau diberitahu oleh orang ghaib.

⁴Lihat *Utusan Malaysia* 14.11.78 dan *Berita Harian* pada tarikh yang sama.

⁵Sewaktu bertemuramah dengan Abu Bakar Bappu pada 16.12.85 beliau menerangkan bahawa kedua-dua isterinya berketurunan Melayu. Isteri pertama bernama Syarifah binti Aziz berkahwin pada tahun 1965 dan mendapat 6 orang anak. Isteri kedua bernama Sofiah binti Aziz berkahwin pada tahun 1978 dan mendapat 4 orang anak.

⁶*Temuramah* dengan Selamat bin Muhammad Pegawai Pemeriksa Agama Pejabat Kadi Kluang Johor pada 15.12.85. *Utusan Malaysia* 15.11.78, *Bintang Timur* 20.11.78, hal. 8. *Berita Harian* 16.11.78.

3. Mengal 1 mempunyai kuasa yang luar biasa seperti berkuasa menjatuhkan sebuah kerajaan atau menghancurkannya apabila tiba masanya.
4. Mengetahui semasa syaitan menggodainya. Iaitu dirinya panas dan berpeluh.
5. Beliau mengaku melihat cahaya (Nur) dari langit memancar di tempat sujudnya semasa beliau sembahyang.
6. Perkahwinan boleh dilakukan dengan cara nikah batin tanpa memerlukan wali dan saksi. Mengikut Abu Bakar Bappu, nikah zahir dengan adanya wali dan saksi hanya untuk menunjuk kepada masyarakat bahawa perempuan yang dinikah itu menjadi milik kepada lelaki yang ditentukan dalam akad nikah itu sahaja. Nikah yang sedemikian tidak sah dari segi Agama. Nikah yang sebenar ialah nikah yang dilakukan oleh Nabi Adam melalui cara batin.
7. Perempuan dua beradik yang diharam himpun nikah kedua-duanya dalam satu masa ialah kalau kedua-dua perempuan itu menyusu kepada ibu yang sama. Tetapi sekiranya salah seorang daripadanya menyusu kepada orang lain, tidak diharamkan menghimpun kahwin dengan keduanya sekali kerana kedua-duanya tidak sedarah. Itulah alasan yang diberikan sewaktu ditanya tentang perkahwinannya dengan dua perempuan adik beradik itu.
8. Mengerja haji boleh dilakukan dengan niat di rumah sahaja tak perlu bersusah payah pergi ke Mekah.
9. Sembahyang Jumaat tidak wajib bahkan memadai dengan sembahyang zohor di rumah sahaja.⁷

Itulah antara pengakuan dan ajaran Abu Bakar Bappu yang agak ganjil dan berlainan daripada ajaran Islam yang sebenar. Adapun ajaran dan amalan yang lain kebanyakannya sama dengan orang-orang Islam yang lain.

Pengikut-Pengikut Abu Bakar Bappu

Mengikut satu sumber dari bahagian Penyelidikan Aqidah dan tradisi Pusat Islam Kuala Lumpur mengatakan bahawa pengikut-pengikut ajarannya lebih kurang 100 orang. Kebanyakannya dari Daerah Kluang Batu Pahat dan juga Singapura.⁸ Tetapi mengikut Abu Bakar Bappu sendiri bahawa murid-muridnya berjumlah lebih kurang 50 orang sahaja. Kebanyakannya dari orang-orang keturunan India Malbari dan ada juga dari orang Melayu. Mereka diajar

⁷ *Temuramah* dengan Abu Bakar Bappu pada 16.12.85 dan Selamat bin Muhammad 15.12.85. Lihat Hj. Abdullah Hj. Ab. Wahab. *Tentangan Dan Cabaran Kepada Islam Di Sepanjang Jalan*. Cetakan Pertama Syarikat yakin Taman Selayang Selangor 1985. hal. 145.

⁸ *Temuramah* dengan Abdullah Fahim pada 31.12.85.

sembahyang, zikir-zikir dan sebagainya. Beliau tidak dapat memberi tahu nama-nama mereka kerana telah lupa kecuali menyebut dua orang pengikut yang paling setia dengannya sahaja iaitu Abdul Hamid bin Ahmad dan Muhammad Amin (Pak Amin) kedua-duanya beralamat, Rumah Kediaman Buruh Ladang C.P. Layang-Layang Kluang.⁹

Mengikut Ketua Kampung Layang-Layang Abu Bakar bin Fie¹⁰ bahawa Abdul Hamid bin Ahmad ialah seorang pelayan pejabat di Sekolah Kebangsaan Layang-Layang dan beliaulah orang yang paling kuat membuat propaganda untuk menarik perhatian orang ramai bahawa Abu Bakar Bappu adalah penjelmaan roh Abu Bakar Assiddiq berdasarkan kepada Ilham yang diterima dalam mimpinya. Dengan propaganda itu dapat menarik lebih ramai lagi pengunjung-pengunjung untuk mengambil air tawar dan meminta nombor judi dan sebagainya, kerana mereka menganggap Abu Bakar Bappu sebagai orang keramat.

Analisa Dan Penilaian Terhadap Ajaran-Ajaran Dan Petua-Petua Abu Bakar Bappu

Sekarang mari kita teliti dan analisa semula secara halusi segala ajaran dan petua yang dibuat oleh Abu Bakar Bappu untuk dinilai mengikut pandangan Islam yang sebenar berdasarkan nas-nas al-Quran dan As-Sunnah dan juga pandangan ulamak Islam.

1. Pengakuan Abu Bakar tentang penjelmaan roh Abu Bakar Assiddiq dalam tubuhnya. Sebenarnya pengakuan yang sedemikian berlawanan dengan keterangan al-Quran dan Hadis yang menerangkan bahawa roh orang yang telah mati akan berada di satu alam yang dinamakan Alam Barzakh. Iaitu alam yang bermula dari kematian seseorang hinggalah hari kebangkitan.¹¹ Semasa berada dalam alam ini roh dan jasad manusia mesti menerima dan merasai samada kenikmatan ataupun kesengsaraan mengikut amalan-amalan yang dilakukan semasa hidup mereka.

Firman Allah s.w.t. mengenai kedudukan keluarga Firaun berbunyi :

النَّارُ يُعْرَضُونَ عَلَيْهَا غُدُوًّا وَعَشِيًّا وَيَوْمَ تَقُومُ السَّاعَةُ أَدْخِلُوا
آلَ فِرْعَوْنَ أَشَدَّ الْعَذَابِ ﴿٤٦﴾

⁹ Temuramah dengan Abu Bakar Bappu pada 17.12.85.

¹⁰ Temuramah pada 17.12.85

¹¹ Lihat Abdul Rahman Hasan Hanbakh, *al-Aqidah al-Islamiah wa-Ususuha*, cetakan kedua Dar al-Qalam Beirut, 1397 H. h. 642.

"Mereka dibenteng (disalai) di atas api neraka pagi dan petang dan pada hari qiamat (diperintah kepada malaikat-malaikat) masukkanlah keluarga Firaun dalam neraka yang bersangatan".¹²

Muhammad bin Ali al-Shaukani berkata dalam kitabnya: Sebilangan besar ulamak berpendapat bahawa pembentangan (atas api neraka ini adalah di Alam Barzakh.¹³

Rasulullah s.a.w. pula bersabda bermaksud:

"Sesungguhnya tiap-tiap seorang daripada kamu apabila mati dibentangkan kepadanya tempat tinggalnya pada pagi-pagi dan petang-petang. Jika ia daripada ahli syurga maka daripada tempat tinggal ahli syurga dan jika ia dari ahli neraka maka daripada tempat tinggal ahli neraka. Dikatakan kepadanya: Ini tempat tinggal kamu sehinggalah Allah membangkitkan kamu pada hari qiamat".¹⁴

Ayat dan hadis yang tersebut di atas dengan sejelas-jelasnya menerangkan bahawa orang yang telah mati akan merasai sama ada nikmat dan azab di Alam Barzakh (Alam Kubur) sehinggalah Hari Qiamat. Bagi ahli syurga akan merasai kenikmatan syurga dan bagi ahli neraka pula akan merasai keazaban neraka. Kenikmatan atau keazaban itu mestilah dirasai oleh roh dan juga jasad mengikut jumbuh (bilangan besar) ulamak.

Jadi bagaimanakah dikata roh Abu Bakar Assiddiq menjelma dalam tubuh orang lain yang masih hidup? apakah roh Abu Bakar Assiddiq tidak merasai nikmat sebagaimana roh-roh orang lain yang seumpamanya?

Sesiapa yang percaya penjelmaan roh orang mati ke dalam badan orang hidup atau bertukar ganti roh bererti (تناسخ الارواح) dia mengengkari soal munkar nakir dalam kubur dan mengengkari nikmat dan azabnya yang sabit dengan dalil al-Quran dan hadis yang sahih sebagaimana yang tersebut tadi.

Dr. Muhammad Said Ramadhan al-Buti berkata dalam kitabnya: Tidak mungkin bagi orang berakal dapat menghimpun dalam fikirannya kepercayaan kepada bertukar ganti roh (تناسخ الارواح) dan kepercayaan kepada apa yang berlaku selepas mati daripada soal "Munkar Nakir" dan azab (yakni azab kubur) kerana kedua-duanya berlawanan yang nyata. Maka tidak syak lagi bahawa

¹² Surah Ghafir, ayat : 46.

¹³ *Fath al-Qadir Dar al-Ma'arif Beirut*, t.t, Jilid 4 hal. 494.

¹⁴ *Sahih al-Bukhari*, al-Maktabah al-Islami Istantub Turki 1979 Juz. 2 *Kitab al-Janai*z hal. 103.

percaya atau beriman dengan salah satu daripadanya menunjukkan engkarnya kepada yang satu lagi.¹⁵

2. Pengakuan Abu Bakar Bappu mengenai keistimewaan dirinya seperti mengetahui perkara ghaib, mempunyai kuasa luar biasa, dapat melihat pancaran cahaya (Nur) dari langit di tempat sujudnya dan sebagainya, ini semua juga tidak dapat diterima. Kerana keistimewaan seperti itu tak pernah diberi kepada sesiapa pun dalam sejarah hidup manusia di muka bumi ini dan Allah sendiri menafikan kemungkinan berlakunya keistimewaan demikian kepada manusia.

Mengenai perkara ghaib Allah menerangkan bahawa dia sahaja yang mengetahuinya. Segala makhluk Allah samada malaikat, jin atau manusia tidak dapat mengetahui perkara ghaib dan perkara yang akan berlaku.

Allah berfirman dalam kitabnya:

وَعِنْدَهُ مَفَاتِيحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

"Dan disisi Allah segala anak kunci perkara ghaib, tidak mengetahuinya melainkan ia (yakni Allah)".¹⁶

Firmannya lagi:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

"Katakanlah (Wahai Muhammad): Tidak mengetahui oleh mereka yang berada di langit dan dibumi akan perkara ghaib melainkan Allah".¹⁷

Oleh sebab itulah Islam memberi amaran sekeras-kerasnya kepada orang Islam yang bertanya dan mempercayai orang-orang yang mengaku mengetahui perkara ghaib atau perkara tersembunyi seperti ahli-ahli nujum, tukang-tukang tilik dan sebagainya. Kerana mereka sebenarnya tidak mengetahui bahkan ramalan dalam gelap sahaja, Rasulullah s.a.w. bersabda bermaksud:

"Sesiapa datang kepada arraf¹⁸ (tukang tilik/peramal) lalu ia menanyakannya tentang sesuatu (yakni sesuatu yang

¹⁵Kubura al-Yaqinat al-Kawniyyah, Dar al-Fikr 1397H. h. 336.

¹⁶Surah al-Anam, ayat : 59.

¹⁷Surah Annam, ayat : 65.

¹⁸Al-Baghawi berkata: Arraf ialah orang-orang yang mengaku mengetahui perkara tersembunyi, pencurinya dan juga mengetahui tempat barang-barang yang hilang dan seumpamanya: Lihat Abu

tersembunyi) maka tidak diterima sembahyangnya selama empat puluh malam".¹⁹

Sabdanya lagi bermaksud:

"Sesiapa datang kepada araf atau kahin²⁰ (tok nujum) maka ia membenar apa yang dikatanya, maka sesungguhnya ia telah kufur dengan apa yang diturun kepada Muhammad (yakni agama Islam)"
(R. Abu Daud, Atturmuzi, Annasai, Ibn Majah dan al-Hakim).²¹

Sekarang telah jelas kepada kita bahawa pengakuan Abu Bakar Bappu mengetahui perkara ghaib dan pengakuannya mengenai penjelmaan roh Abu Bakar Assiddiq dalam dirinya sebagaimana yang dijelaskan di atas tadi adalah dusta dan bohong berdasarkan kepada nas-nas al-Quran dan Hadis. Begitulah juga dengan pengakuan-pengakuan luar biasa yang lain mengenai keistimewaan dirinya sebagaimana yang tersebut di atas, semuanya itu adalah pengakuan dusta kerana orang yang telah sanggup melakukan satu pendustaan sudah tentu sanggup melakukan beberapa pendustaan. Tambahan pula pengakuannya itu diluar kemampuan dan kebiasaan manusia sudah pasti ianya dusta dan bohong. Selain dari itu Abu Bakar Bappu tak pernah membuktikan kebenaran apa yang diakuinya itu. Ini menunjukkan bahawa pengakuannya adalah satu pengakuan yang tidak berasas dan tidak berlandas kepada hakikat dan kenyataan.

3. Abu Bakar Bappu memberi fatwa bahawa nikah boleh dilakukan dengan cara kebatinan tanpa memerlukan wali dan saksi. Mengikutnya nikah yang dilakukan dengan menggunakan wali dan saksi itu hanyalah untuk menyaksi kepada masyarakat bahawa perempuan yang dinikah itu menjadi milik kepada lelaki yang mengahwininya sahaja. Ia hanya sah dari segi masyarakat tetapi tidak sah dari segi agama kerana nikah yang sebenar ialah nikah batin yang dilakukan oleh Nabi Adam alaihissalam tanpa wali dan saksi. Beliau mengaku dapat berjumpa dengan roh Nabi Adam melalui orang ghaib.

Fatwa ini amatlah bahaya kepada masyarakat kerana dengan fatwa ini membolehkan beliau dan pengikut-pengikutnya membuat hubungan jenis dengan

Muhammad Zakyuddin al-Munziri, *al-Tarhib wa-al-Tarhib*, Tahqid Mahyuddin Abdul. Jilid 5 Dar al-Fikr t. Tarikh hal. 248.

¹⁹*Sahih Muslim*. Riasah Idaratil Buhuth al-Ilmiah al-Mamlakah al-Saudiyah. 1400H - 1980M. Jilid 4, K. Assalam No. Ha. 2230 hal. 1751.

²⁰*Kahin*, ialah orang yang memberitakan perkara yang tersembunyi yang kadang-kadangnya betul dan kebanyakannya salah dan dikatakan bahawa jin yang memberitahu demikian kepadanya. Lihat Abu Muhammad Zakyuddin al-Manziri, *op.cit.*, Jilid 5. hal. 246.

²¹*Ibid.*, hal. 247

mana-mana perempuan yang mereka suka dengan alasan bahawa mereka telah berkahwin cara batin.

Perkahwinan dalam Islam mestilah mencukupi segala rukun dan syaratnya. Perkahwinan tanpa wali dan saksi bererti membelakangkan dua syarat dalam perkahwinan. Oleh itu perkahwinan demikian tidak sah mengikut pandangan Islam.

Rasulullah bersabda bermaksud:

"Tidak sah nikah melainkan dengan wali dan dua orang saksi yang adil".
(Riwayat. al-Dar Qutni)²²

4. Abu Bakar Bappu mentafsirkan bahawa perempuan dua beradik yang diharamkan nikah kedua-duanya ialah kalau kedua-duanya menyusu kepada ibunya sendiri. Tetapi kalau salah seorang daripadanya tidak menyusu kepada ibunya, maka boleh bagi seseorang mengahwini kedua-duanya dalam satu masa kerana mereka berdua tidak sedarah dan tidak dikira sebagai adik beradik yang sebenar.

Pentafsiran yang sedemikian bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Al-Quran dengan jelasnya menerangkan beberapa jenis perempuan yang diharamkan kahwin dengan mereka termasuklah menghimpun perempuan dua beradik, seperti firman Allah:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَوْنَتُكُمْ
وَعَمَلَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي
أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُم مِّنَ الرَّضَاعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ
وَرَبِّبَاتُكُمُ اللَّاتِي فِي حُجُورِكُم مِّن نِّسَائِكُمُ اللَّاتِي دَخَلْتُم
بِهِنَّ فَإِن لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُم بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ
وَاحْتِلَابُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْنَابِكُمْ وَأَن تَجْمَعُوا
بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا رَّحِيمًا ﴿٥٦﴾

"Diharamkan ke atas kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan berikut) ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan saudara-saudara bapa kamu dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara lelaki kamu dan anak-anak saudara perempuan kamu dan ibu-ibu yang

²² Hadis ini diambil dalam kitab Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Dar al-Kitab al-Arabi 1977, hal. 5744.

menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu dan ibu-ibu isteri-isteri kamu dan anaktiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah bersetubuh dengan mereka, tetapi kalau kamu belum lagi bersetubuh dengan mereka (dan kamu telahpun menceraikan mereka) maka tidaklah salah kamu (berkahwin dengan mereka) dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu yang berasal dari benih kamu, dan diharamkan kamu menghimpun dua beradik sekali (untuk menjadikan isteri-isteri kamu) kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah amat pengampun lagi amat mengasihani".²³

Ayat di atas menerangkan jenis perempuan yang diharam mengahwini mereka termasuklah menghimpun perempuan dua beradik dalam satu masa tanpa mengira sama ada adik beradik itu seibu sebapa atau seibu atau sebapa dan tanpa mengira sama ada kedua-duanya dipelihara dan disusu oleh ibunya sendiri atau salah seorang daripada disusu oleh orang lain atau keduanya disusu orang-orang lain.

Apabila sah dua orang perempuan itu bersaudara atau adik beradik, maka haramlah dikahwin kedua-duanya dalam satu masa. Ibn Kathir berkata: Sesungguhnya ulamak-ulamak daripada para sahabat dan tabiin dan Imam-imam dahulu dan sekarang telah ijmak (bermuafakat sebulat suara) mengharamkan kumpul perempuan dua bersaudara pada nikah.²⁴

Tetapi kalau seseorang itu berkahwin dengan seorang perempuan kemudian diceraiannya dan habis idahnya, maka tidaklah menjadi halangan dia mengahwini saudara bekas isterinya itu kerana yang diharamkan ialah mengahwini dua beradik itu dalam satu masa.

Jadi jelaslah bahawa pentafsiran Abu Bakar Bappu mengenai perempuan dua beradik sebagai yang tersebut di atas, adalah pentafsiran yang menyeleweng jauh dari kehendak Islam yang sebenar.

5. Mengenai ibadat Haji Abu Bakar Bappu mengatakan bahawa ibadat itu boleh dilakukan dengan cara niat di rumah sahaja tanpa bersusah payah menghabiskan wang pergi ke Mekah.

²³ Surah al-Nisa', ayat : 23.

²⁴ Lihat *Mukhtasar Tasir Ibn Kathir*, Muhammad Ali al-Sabuni, cetakan ke 7 Dar al-Quran, Beirut 1981, J. I h. 373.

Ini juga salah satu dari penyelewengan-penyelewengan yang besar dalam ajaran Abu Bakar Bappu, kerana ibadat Haji merupakan salah satu dari rukun Islam yang lima perkara yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya. Dan amalan ini mestilah dilakukan di Mekah dengan cara-cara yang tertentu dan dalam masa yang tertentu. Ia tidak boleh dilakukan di sebarang tempat atau dengan niat sahaja sebagaimana yang difatwa oleh Abu Bakar Bappu seperti firman Allah S.W.F:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَى سَبِيلٍ

"Dan bagi Allah ke atas manusia mengerjakan Haji ke Baitullah (Rumah Allah) bagi mereka yang berkuasa pergi kepadanya".²⁵

Dalam ayat ini Allah menerangkan dengan jelas bahawa ibadat haji mestilah dilakukan di Baitullah (Rumah Allah) iaitu di Mekah. Dengan ini jelaslah bahawa ibadat ini tidak boleh dilakukan di tempat-tempat lain dan tidak boleh hanya dengan niat semata-mata.

6. Abu Bakar Bappu memberi fatwa bahawa sembahyang Jumaat tidak wajib dan ekoran dari itu beliau telah dihukum 1,000 (seribu) sen oleh Mahkamah Syariah kerana tidak menghadiri sembahyang Jumaat sebagaimana yang disebut tadi. Inipun satu penyelewengan yang besar kerana kewajipan sembahyang Jumaat telah sabit dengan nas-nas yang jelas dari al-Quran dan Hadis.

Allah berfirman dalam kitabnya berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَوَدَّعَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩٦﴾

"Wahai orang-orang beriman apabila diseru (azan) untuk sembahyang daripada hari Jumaat maka hendaklah kamu pergi menyebut Allah (yakni menunai sembahyang Jumaat) dan hendaklah kamu meninggal jual beli (dan sebagainya). Yang demikian adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui".²⁶

Rasulullah pula bersabda bermaksud:

²⁵ Surah Al-Imran, ayat : 97.

²⁶ Surah al-Jumuah, ayat : 9.

"Hendaklah kaum-kaum itu berhenti dari meninggal sembahyang Jumaat atau Allah menutup pintu hati mereka, kemudian jadilah mereka orang-orang lalai".²⁷

Daripada Ibn Abbas. r.a sesungguhnya dia, (Ibn Abbas) ditanya tentang seorang lelaki yang selalu berpuasa siang hari dan berjaga malam (yakni kerana beribadah) dan dia tidak menghadiri sembahyang berjamaah dan sembahyang Jumaat. Dia (Ibn Abbas) menjawab: Ini masuk dalam neraka, R. Attirmizi mawquf²⁸

7. Selain dari penyelewengan-penyelewengan yang disebut di atas terdapat lagi penyelewengan besar yang pernah diamalkan oleh Abu Bakar Bappu. Iaitu membina di atas kubur sebagaimana yang dijelaskan dalam halaman yang lepas.

Islam melarang keras melakukan pembinaan, duduk, memasang lampu dan sembahyang di atas kubur. Begitu juga segala perbuatan yang boleh dianggap sebagai pemujaan kepada orang yang telah mati semuanya dilarang.

"Daripada Jabir r.a berkata : Rasulullah s.a.w. telah menegah menembok kubur dan duduk di atasnya dan membina bangunan di atasnya".²⁹

Daripada Abu Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: *Sesungguhnya seseorang dari kamu duduk di atas bara api maka terbakar pakaiannya dan sampai kepada kulitnya lebih baik baginya daripada duduk di atas kubur.* R. Muslim³⁰

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah bersabda:

"Janganlah kamu duduk di atas kubur dan jangan kamu sembahyang kepadanya (menghadapinya)".³¹

Hadis-hadis tersebut di atas melarang orang-orang Islam dari membina bangunan di atas kubur, duduk di atasnya dan sembahyang menghadapinya. Dengan itu seseorang yang tidak mematuhi larangan itu adalah berdosa.

Tetapi kalaulah perbuatan demikian dengan niat untuk memuja kubur itu sehingga sampai serta meminta pertolongan dari orang-orang mati, maka

²⁷ *Sahih Muslim*, Jilid 2, al-Jumat, hal. 591.

²⁸ Abu Muhammad al-Munziri, *op-cit.*, Jilid 1, hal. 225.

²⁹ *Sahih Muslim*, Jilid 2, K. II b. 32 hal. 667.

³⁰ *Ibid.*, b. 33 hal. 667

³¹ *Ibid.*, hal. 668

perbuatan itu bukan sahaja berdosa tetapi boleh membawa syirik kepada Allah S.W.T.

Firman Allah lagi:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذَا مِنْ
الظَّالِمِينَ ﴿١٠٦﴾

*"Janganlah engkau meminta "berdoa" selain dari Allah apapun yang tidak dapat memberi manfaat kepada kamu dan tidak dapat memberi mudharat kepada kamu. Maka sekiranya engkau melakukan (demikian) maka sesungguhnya engkau daripada orang-orang yang zalim"*³².

Ibn. Qaim berkata : Dan setengah dari jenis-jenis syirik ialah meminta hajat-hajat daripada-orang-orang mati dan meminta pertolongan dengan mereka dan mengharap kepada mereka (dalam meminta hajat atau menjauhkan bala) dan inilah asal usul berlakunya syirik di dalam dunia.³³

Ringkasnya segala amalan yang dianggap ibadah seperti doa, nazar dan sebagainya kepada selain dari Allah seperti kepada roh-roh orang mati, tempat-tempat keramat dan sebagainya semuanya itu adalah amalan syirik, kerana meneduakan Allah dari segi uluhiyyah atau peribadatan.

Kesimpulan

Setelah diteliti secara halus segala ajaran petua dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh Abu Bakar Bappu kita dapati ianya tidak didasarkan kepada mana-mana nas samada dari al-Quran atau hadis atau mana-mana pendapat ulamak yang muktabar, ole itu ianya menyimpang jauh dari ajaran Islam yang sebenar. Barangkali segala-galanya itu dilakukan untuk kepentingan tertentu. Sewaktu penulis menemuramahnya di rumahnya di Kampung layang-layang, Kluang beliau secara jujur dan ikhlas menerangkan bahawa pengakuannya mengenai penjelmaan ruh Abu Bakar As-Siddiq dalam dirinya adalah semata-mata untuk publisiti dan kepentingan hidup sahaja. jadi kalaulah pengakuan ini dibuat untuk tujuan tersebut, kemungkinan segala pengakuan dan ajarannya yang lain mempunyai tujuan yang sama.

³²Surah Yunus, ayat : 106

³³Lihat al-Syaikh Abdul Rahman Hasan al-Syaikh, *Fath al-Majjid*, Maktabah al-Riyadh al-Iladithah, t.t. h. 139

